

## Anak syarikat Scientex cadang beli tanah di Selangor dengan nilai RM123.28 juta



Tarikh kemaskini: 13/05/2019

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Scientex Bhd membeli lima bidang tanah pegangan bebas di Rawang dan Bandar Kundang, Selangor, bernilai RM123.28 juta untuk meningkatkan simpanan tanahnya bagi aktiviti pembangunan hartanah.

Syarikat itu, yang juga pengeluar produk pembungkusan, berkata anak syarikat milik penuhnya, Scientex Park (M) Sdn Bhd (SPSB), hari ini memeterai dua perjanjian bersyarat untuk pembelian tersebut.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, Scientex berkata SPSB telah menandatangani perjanjian dengan Swan Lake City Sdn Bhd untuk membeli tiga bidang tanah bernilai RM111.20 juta.

Syarikat itu turut menandatangani satu lagi perjanjian dengan Fair City Sdn Bhd untuk membeli dua bidang tanah dengan nilai RM12.08 juta.

“Jumlah pembayaran pembelian sebanyak RM123.28 juta untuk tanah tersebut berasaskan kesediaan pembeli dan kesediaan penjual selepas mengambil kira lokasi strategik tanah itu dan prospek pembangunannya, yang akan memberikan kumpulan Scientex peluang untuk mewujudkan nilai ekonomi yang lebih baik dan meningkatkan potensi pendapatan, selain mendapat kedudukan yang lebih baik dalam pasaran hartanah,” katanya.

Kumpulan itu berkata pembelian tersebut akan meningkatkan simpanan tanah yang sedia ada dan mengekalkan pembangunan hartanahnya dalam jangka sederhana dan jangka panjang.

“Jarak dekat antara pembangunan sedia ada di Rawang dan cadangan pembangunan akan membolehkan kumpulan membina rumah mampu milik,” katanya.

Cadangan pembelian itu, yang dijangka selesai pada separuh pertama 2020, akan dibiayai melalui dana dalaman, pinjaman bank dan terbitan Sukuk Murabahah.

-- BERNAMA